

# UNIVERSITY OF SCIENCE AND TECHNOLOGY YEMEN BERMINAT UNTUK BEKERJASAMA DENGAN UniMAP

**18 September 2007**, Dr. Fatima Kahtan, Naib Rektor (Hal Ehwal Akademik) daripada University of Science & Technology (UST), Yemen, menyatakan minat untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan UniMAP semasa lawatan beliau dan beberapa orang staf UST (En. Murad, Dekan Kolej Antarabangsa UST, En. Khalid wakil dari UST di Malaysia dan En. Mohd Shakirin, Dekan Kolej Antarabangsa UST) semasa lawatan mereka ke sini baru-baru ini.

Dr. Fatima juga menyatakan bahawa banyak peluang kerjasama antara UniMAP dan UST yang dapat dijalin di dalam bidang penyelidikan dan juga pengajaran. Beliau terutamanya berminat untuk menawarkan program ijazah di Yemen, di mana UniMAP

membuka kampus cawangan di UST. Di samping itu, beliau juga menyatakan UniMAP sebagai sebuah universiti yang pakar di dalam bidang kejuruteraan berkemungkinan besar boleh membantu enterpris kecil dan sederhana Yemen melalui penawaran kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang yang bersesuaian.

Delegasi UST mengadakan perbincangan ringkas bersama dekan-dekan Pusat pengajian kejuruteraan selepas perjumpaan dengan Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin bin Hussin, Naib Canselor UniMAP yang turut menyatakan minat dalam kerjasama dengan UST.